

SULIT
5226/1
TASAWWUR
ISLAM
NOVEMBER
2002
2 1/2 JAM

5226/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

TASAWWUR ISLAM

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan B.*
2. *Jawab dua soalan daripada Bahagian A, dan tiga soalan daripada Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

Bagian A

(40 Markah)

Jawab DUA soalan sahaja

1. a) i) Huraikan pengertian akal. (2M)
ii) Jelaskan DUA ciri akal. (4M)
iii) Mengapa manusia perlukan kepada wahyu sedangkan manusia sudah dikurniakan akal fikiran. (4M)
- b) Akal yang sempurna membentuk perbadi mulia. (4M)
i) Bagaimana cara anda menjaga akal supaya sentiasa sempurna. (4M)
ii) Nyatakan TIGA kesan jika akal tidak dijaga dengan sempurna. (6M)
2. a) Akal yang tidak berpandukan wahyu boleh membawa kepada kesesatan. (4M)
i) Bezakan di antara wahyu dan akal. (4M)
ii) Terangkan TIGA keperluan wahyu kepada manusia. (6M)
- b) Wahyu diturunkan kepada nabi- nabi dan rasul- rasul sahaja. (4M)
i) Jelaskan DUA cara penurman wahyu kepada Nabi Muhammad SAW. (4M)
ii) Kenapa wahyu tidak diturunkan lagi selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. (6M)
3. a) Ilmu yang sempurna hendaklah bertunjangan kepada Al- Quran dan AS- Sunnah. (4M)
i) Nyatakan pembahagian ilmu serta contohnya. (4M)
ii) Bagaimanakah anda menghayati Al- quran dan AS- sunnah dalam kehidupan seharian. (6M)
- b) Kejadian langit dan bumi menggalakkan manusia bertikir. (4M)
i) Jelaskan DUA cara anda bertikir untuk mengenal Allah berdasarkan penyata di atas. (4M)
ii) Huraikan TIGA langkah untuk mendekatkan diri kepada Allah. (6M)

BAHAGIAN B

(60 Markah)

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

4. a) Islam merupakan rahmat Allah yang terbesar dikurniakan kepada manusia.
- i) Nyatakan **DUA** jenis daripada rahmat tersebut. (2M)
 - ii) Jelaskan **DUA** kesan buruk sekiranya rahmat tersebut diabaikan dalam kehidupan seharian. (4M)
- b) “ Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna “
Nyatakan **TIGA** hujah anda bagi mengukuhkan pernyataan diatas. (6M)
- c) Syumuliyah adalah ciri kehidupan Islam yang penting.
- i) Apakah maksud syumuliyah. (2M)
 - ii) Jelaskan ciri - ciri syumuliyah dalam perundangan Islam. (6M)
5. a) Sistem Materialistik telah mempengaruhi kehidupan masa kini.
- i) Sebutkan **EMPAT** contoh amalan yang dikatakan bercorak Materialistik. (4M)
 - ii) Terangkan **TIGA** kesan yang berlaku jika masyarakat terlalu bersikap Materialistik. (6M)
- b) Perbuatan mungkar di kalangan pelajar semakin menjadi- jadi pada masa kini, walaupun amalan itu sangat dilarang oleh Islam.
- i) Nyatakan **EMPAT** contoh perbuatan mungkar yang sering dilakukan oleh pelajar. (4M)
 - ii) Cadangkan **TIGA** program yang sesuai dilaksanakan bagi mencegah perbuatan tersebut di kalangan pelajar. (6M)

6. a) Negara Islam ialah negara yang melaksanakan hukum- hukum Islam dalam sistem kehidupan bernegara.
- i) Jelaskan pengertian negara Islam. (2M)
 - ii) Terangkan DUA ciri negara Islam. (2M)
 - iii)- Nyatakan TIGA sebab negara Islam perlu ditubuhkan. (6M)

b) "Tidak menghukum orang yang bersalah lebih baik daripada menghukum orang tidak bersalah".

Jelaskan DUA hikmat daripada prinsip diatas. (2M)

c) Pelaksanaan sistem kehakiman Islam dapat memberi kepuasan kepada semua pihak yang terlibat.

i) Jelaskan DUA bukti kebenaran pernyataan diatas. (4M)

ii) Huraikan kepentingan akhlak Islam dalam sistem kehakiman. (4M)

7. a) Firman Allah yang bermaksud "Dialah (Allah) yang menjadikan kami penguasa-penguasa di bumi, dan dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain beberapa darjat untuk menguji kamu"

(Surah Al – An'am : 65)

Pentadbir negara Islam hendaklah seorang yang bijaksana.

i) Jelaskan DUA ciri bijaksana seorang pentadbir Islam. (4M)

ii) Huraikan TIGA kesan buruk sekiranya pentadbir tidak menjalankan tugas dengan bijaksana. (6M)

b) " Seorang pemimpin Islam mestilah bersifat amanah "

Bagaimanakah anda dapat melaksanakan prinsip tersebut sebagai seorang pelajar. (4M)

c) Jelaskan TIGA peranan manusia sebagai penguasa (khalifah) Allah di bumi. (6M)

8. a) i) Jelaskan pengertian sosial Islam. (2M)
- ii) Sebutkan TIGA ciri sistem sosial Islam. (6M)
- b) Kegagalan kehidupan masyarakat barat hari ini ada kaitan dengan sistem sosialnya yang pincang.
- i) Nyatakan DUA ciri sistem sosial tersebut. (4M)
- ii) Terangkan DUA kelebihan sistem sosial Islam berbanding sistem sosial barat. (4M)
- c) Merokok membahayakan kesihatan.
- Jelaskan DUA sebab masih ramai pelajar yang merokok. (4M)

SOALAN TAMAT